

Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh Guru Prasekolah

Rosmah Binti Abd. Ghani

Jabatan Pendidikan Prasekolah IPG Kampus Sultan Mizan
rosmahabdghani@yahoo.com

Mariani Md Nor

Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
marianin@um.edu.my

Abstrak: Kajian kualitatif ini bertujuan memerihalkan dan memahami pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di prasekolah. Data di kumpul melalui kaedah pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran guru berkenaan selama enam bulan, kaedah temu bual dengan guru, dan analisis dokumen kurikulum yang berkaitan. Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu mengenal pasti pola dan kecenderungan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah, di samping minat guru dan minat murid perlu diambil kira. Kami percaya, hanya melalui cara ini matlamat murni kurikulum ini akan dicapai, iaitu bertujuan membantu murid berkembang secara seimbang sebagaimana yang dihasratkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan selaras dengan Program Transformasi Negara.

Kata kunci: Kurikulum, guru prasekolah

Abstract: This qualitative study aims to describe and understand the implementation of the National Standard Curriculum for Preschool (NPCS) in preschool. Data was collected through observation of teaching and learning for the past six months, interviews with teachers, and analysis of relevant curriculum documents. This study also hopes to help identify patterns and trends in the performance of teachers teaching and learning in pre-

school classes, in addition to the interest and enthusiasm of teachers and students should be taken into account. We believe only in this way the noble aim of the curriculum will be achieved, which is aimed at helping students develop in a balanced way as envisaged by the National Pre-School Curriculum Standards and National Philosophy of Education in accordance with the National Transformation Programme.

Keywords: curriculum, preschool teachers

Pendahuluan

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan kepada seseorang kanak-kanak. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan mengembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat. Peluang pendidikan prasekolah diberi kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak serta perkembangan intelek mereka. Bagi kanak-kanak berkeperluan khas mereka diberi peluang untuk belajar dalam kelas biasa atau kelas khas sesuai dengan keadaan dan keperluan mereka.

Program pendidikan prasekolah hendaklah sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak supaya dapat merangsang pemikiran, membina sikap positif dan akhlak yang baik, meningkatkan kecergasan dan kesihatan ke arah penyuburan potensi yang optimum. Oleh itu, kurikulum pendidikan prasekolah memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Pendekatan pembelajaran yang fleksibel dan suasana pembelajaran yang selesa, selamat dan ceria dapat menggalakkan naluri ingin tahu, perasaan suka meneroka dan menjelajah serta memberi pengalaman baru kepada kanak-kanak. Dengan ini adalah diharapkan program pendidikan prasekolah dapat menjadi asas untuk melahirkan murid yang mempunyai keyakinan diri, bercita-cita tinggi, daya tahan, semangat juang, gigih berusaha dan mampu mengubah diri. Semua asas yang dibina dalam diri murid akan menyumbangkan kepada kemajuan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

Perkembangan dan pertumbuhan pesat berlaku dalam diri individu kanak-kanak pada usia enam tahun yang pertama. Melalui asuhan dan pendidikan yang sesuai, minda kanak-kanak ini dapat dirangsangkan, sikap dan emosi yang positif dapat dibina, serta kreativiti dan pemikiran kritikal dapat dijana. Berpandu kepada asas ini, kanak-kanak ini akan lebih bersedia untuk menghadapi alam persekolahan pada peringkat yang lebih tinggi. Hasil kajian jangka panjang mendapati pelaburan pada peringkat awal kanak-kanak memberi pulangan yang positif kepada kerajaan dan masyarakat. Pada masa yang sama, semakin banyak hasil kajian neurosains menunjukkan kaitan antara pendedahan rangsangan pada peringkat awal dengan perkembangan minda kanak-kanak yang optimum. Menyedari hakikat ini maka pada tahun 1996, prasekolah telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dan pada tahun 2003 Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang pertama telah dilaksanakan. Selepas lima tahun pelaksanaan, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 telah disemak dan akhirnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dihasilkan dan dilaksanakan mulai 2010 di semua prasekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

Proses perkembangan kanak-kanak adalah berterusan. Oleh itu persediaan dan pengalaman awal kanak-kanak memerlukan kurikulum yang universal, terancang mantap dan relevan dengan perkembangan semasa serta dapat memenuhi keperluan individu dan negara. Selain itu kurikulum prasekolah juga perlu mempertimbangkan kemampuan, keupayaan, kebolehan dan kesediaan kanak-kanak mengikut tahap perkembangan mereka. Melalui kurikulum prasekolah yang telah dimurnikan diharapkan akan dapat membantu guru merealisasikan hasrat falsafah pendidikan negara. Kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum bergantung kepada kefahaman dan penghayatan pelaksana di bilik darjah. Walau bagaimanapun, pelaksana boleh menyesuaikan kandungan kurikulum dengan keadaan dan situasi. Pelaksana juga perlu mempunyai pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak, prihatin kepada perbezaan kanak-kanak dari segi keupayaan, minat dan latar belakang serta peka terhadap perubahan dan perkembangan pendidikan terkini. Justeru, guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan murid. Apa yang menjadi kerisauan adalah senario sebenar ini berlaku di sekolah?

Tinjauan Susastera

Kajian-kajian yang dijalankan di luar negara mendapati bahawa guru tidak melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik disebabkan kurangnya pengetahuan dalam bidang tersebut. Saiz kelas yang besar, dan kurang kemudahan infrastruktur serta peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan. Masalah menjadi getir, apabila guru yang mendapat latihan dalam bidang pendidikan yang berkenaan pun tidak melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan (Thomas 2002)

Keadaan yang sama berlaku di Malaysia di mana Pendidikan Prasekolah dipinggirkan di dalam keghairahan mengejar pencapaian dalam peperiksaan. Tiada kesedaran dan kurang minat serta faktor tiada kerja sama atau penyelarasan antara guru, pentadbir sekolah serta pengurusan prasekolah di peringkat daerah, jabatan pelajaran negeri dan seterusnya di peringkat kementerian. Masih kurang pemantauan pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPSK-2010) dilaksanakan. Pelaksanaan kurikulum Prasekolah yang kurang mantap memberikan ruang kepada guru lain melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah mengikut kurikulum adaptasi dan pelbagai. Justeru kajian ini dijalankan untuk memerihalkan dan memahami proses sebenar yang berlaku memerihalkan dan memahami proses sebenar yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan prasekolah oleh guru di sekolah khususnya terhadap kurikulum semakan yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan).

Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum memberi kefahaman tentang peranan yang dimainkan guru sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah seperti yang dihasratkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah. Kajian sebegini juga penting ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa (Dusenbury drk. 2003; Graber 2001). Menurut Dusenbury drk. (2003), dengan menjalankan kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum, kefahaman terhadap faktor-faktor penyebab kejayaan dan kegagalan mampu dikenal pasti serta diatasi pada masa-masa yang akan datang. Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum juga membantu dalam mengetahui sama ada matlamat dan objektif yang ditetapkan dapat dipenuhi atau sebaliknya. Sekiranya tiada data yang diperolehi, sukar untuk menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesebuah kurikulum (Dane & Schneider 1998). Tambahan

pula, sesebuah kurikulum yang dirangka melibatkan curahan masa, tenaga dan kepakaran (Fullan 2001). Justeru, bagi mendapatkan maklum balas pelaksanaan kurikulum, wajar dijalankan kajian bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil demi kebaikan murid, guru, pentadbir dan masyarakat.

Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah merupakan unsur penting yang perlu dikaji dari masa ke semasa bagi mengetahui kejayaan dan kekangan pelaksanaannya. Hal ini kerana pelaksanaannya secara berkualiti mampu membangunkan potensi murid dari aspek perkembangan secara holistik dan menyeluruh sebagai mana dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kajian terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah ini juga penting dalam mengetahui dan memahami akan status kurikulum ini yang dilaporkan terpinggir. Hal ini wajar untuk diketahui bagi memberi pengetahuan kepada guru dan pentadbir serta masyarakat bahawa pelaksanaan kurikulum prasekolah yang berkualiti mampu menggalakkan perkembangan serta pertumbuhan yang positif. Di samping itu, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah yang berkualiti mampu menarik minat kanak-kanak untuk melibatkan diri. Ini adalah bersesuaian dengan tujuan Pendidikan Prasekolah berfokus kepada usaha untuk menyediakan peluang pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun.

Selain itu, kajian terhadap pelaksanaan kurikulum ini juga penting bagi tujuan penambahbaikan khususnya dalam mengetahui perkara yang menyebabkan kurikulum ini tidak dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Sedangkan, kurikulum ini merupakan landasan yang terbaik untuk melatih murid ke arah perkembangan individu yang syumul, selari dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Hasil kajian dapat membantu ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa khususnya kepada organisasi yang terlibat dalam mata pelajaran ini dan juga perancang kurikulum di peringkat pusat.

Kajian terhadap pelaksanaan kurikulum juga memainkan peranan penting dalam menyumbangkan maklumat bagi tujuan penambahbaikan polisi yang sedia ada. Maklumat yang diperolehi memberi kefahaman yang jelas terhadap perkara yang mendorong terhadap kejayaan pelaksanaan khususnya dari aspek perancangan, pelaksanaan dan

penilaian (Cummiskey, 2007). Pelaksanaan kurikulum dianggap berjaya apabila guru melaksanakan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan, dan kejayaan dalam pelaksanaan juga bergantung kepada adaptasi yang dilakukan berdasarkan persekitaran yang dihadapi (Berman & McLaughlin 1976a,b; Marsh, 2007). Tanpa kajian dan pemerhatian yang berterusan, segala perubahan perancangan serta strategi pengajaran yang disarankan jarang menemui kejayaan seperti yang diinginkan oleh pihak yang berwajib (Ruiz-Primo, 2002).

Dapatan daripada kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada himpunan data tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di Malaysia. Hal ini kerana, terlalu kurang kajian-kajian dijalankan dalam memahami senario pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di sekolah. Data sedemikian boleh menjadi garis panduan kepada individu atau organisasi yang berkenaan seperti guru, pentadbir di sekolah, pensyarah-pensyarah Institusi Pendidikan Guru (IPG), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha mereka memperkemaskan dan mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di negara kita.

Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum boleh dilihat menerusi tiga pendekatan, iaitu dari perspektif fideliti, adaptasi dan enekmen (Cho, 1998; Marsh, 2007). Namun, kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah dari perspektif adaptasi sahaja, iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi adaptasi yang guru lakukan.

Tumpuan kajian hanyalah kepada empat buah kelas prasekolah di dua buah sekolah rendah yang terletak di sekitar daerah Besut, Terengganu. Sekolah-sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang pelbagai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Prasekolah iaitu sekolah yang lengkap dari segi kemudahan asas bagi tujuan pendidikan prasekolah seperti kelas prasekolah yang sesuai, sekolah yang mempunyai padang dan taman permainan yang dilengkapi dengan alatan permainan luar; sekolah yang sederhana dari aspek saiz kelas, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran; dan prasekolah yang terhad kawasan dan kemudahan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran pendidikan

prasekolah. Selain itu, kajian ini dijalankan tanpa mengkaji budaya sedia ada yang terdapat di kelas-kelas prasekolah yang terlibat.

Kajian ini dijalankan terhadap empat orang guru yang mempunyai perbezaan dari aspek pengalaman dan latihan yang mereka terima di peringkat ikhtisas. Namun, tiada usaha untuk mengkaji kurikulum pengajian ikhtisas semasa mereka belajar di institusi pengajian tinggi dahulu terutamanya bagi guru-guru opsyen pendidikan prasekolah. Latar belakang pendidikan ikhtisas responden adalah berbeza, iaitu ada yang mendapat latihan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan ada yang mendapat latihan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang lazimnya melibatkan sampel yang kecil kerana dijalankan dalam latar semula jadi pada satu jangka masa yang panjang. Kajian ini dijalankan terhadap empat orang guru yang mengajar Pendidikan Prasekolah, selama enam bulan. Bilangan sampel yang kecil ini bermakna dapatan kajian tidak boleh ditlakkan (berumumkan, digeneralisasikan) kepada semua guru yang mengajar Pendidikan Prasekolah di seluruh Malaysia. Namun, selaras dengan konsep pengitlakan alternatif, iaitu keteritlakan pembaca atau pemakai (Merriam, 2002) membiarkan sejauh mana dapatan kajian dapat diaplikasikan kepada situasi lain kepada orang atau pembaca yang berada di situasi itu. Pengitlakan begini juga dipanggil “pemindahan kes ke kes”. Untuk itu pengkaji telah memberikan deskripsi yang cukup terperinci tentang konteks kajian untuk membolehkan pembaca membandingkan padanan dengan situasi mereka.

Pelaksanaan Kurikulum: Perspektif Adaptasi

Menurut Ornstein & Hunkins (2004), kurikulum merupakan suatu dokumen perancangan. Pelaksanaan kurikulum oleh guru merujuk kepada cara guru menterjemahkan kandungan kurikulum tersebut (Marsh, 2007). Dalam konteks kajian pelaksana Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh empat orang guru di kelas prasekolah berdasarkan Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan 2010.

Kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah dari perspektif adaptasi sahaja, iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi adaptasi yang guru lakukan. Perspektif adaptasi merujuk kepada adaptasi dalam kurikulum yang dibuat oleh guru, iaitu dengan mengambil kira konteks persekitaran seperti kemudahan tempat dan

peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Prasekolah, minat dan kemahiran guru.

Dokumen Kurikulum

Dokumen kurikulum merujuk kepada dokumen rasmi yang dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), termasuk Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan dan sekolah. Antara dokumen tersebut ialah Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan, Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan pelajaran, Modul-modul Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, buku rekod pengajaran, surat pekeliling dan surat siaran yang berkaitan dan rekod-rekod pentaksiran dan penilaian.

Menurut Akker (2003), dalam memahami perkara yang berlaku di dalam bilik darjah, pelbagai jenis kurikulum telah dilabelkan oleh pengkaji. Antaranya adalah; dokumen kurikulum (Apple, 1993; Borphy, 1979a,b; Cuban, 1992), kurikulum yang dihasratkan (Brophy a,b 1979; Cuban, 1992; Eisner, 1994), kurikulum yang diajar (Cuban, 1992; Rogers & Ross, 1986), kurikulum yang diterima murid (Snyder drk. 1992), kurikulum operasional (Eisner, 1994), kurikulum sebenar (Thornton, 1985), kurikulum yang digunakan (Werner, 1991 dalam Brown, 2007), kurikulum yang dialami (Rogers & Ross, 1986), kurikulum yang dilaksanakan (Wiseman & Brown, 2003) dan kurikulum yang dipelajari (Cuban, 1992). Kurikulum yang diterima dan kurikulum yang dinilai (Wiseman & Brown, 2003), kurikulum yang diuji (Cuban 1992; Schugurensky, 2002), kurikulum yang dicapai (Menis, 1991), kurikulum potensi (Ben-Peretz, 1975 dalam Brown, 2007), kurikulum yang dilaporkan kurikulum tersembunyi dan kurikulum luaran (Schugurensky, 2002), kurikulum terhindar (American Association of University Women, 2004 dalam Brown, 2007) dan kurikulum nol (Eisner, 1994).

Kebanyakan daripada label yang dinyatakan di atas mewakili kontinum dari pelbagai peringkat iaitu yang bermula dari perancangan, hingga kepada peringkat pengajaran yang merentas beberapa tahap seperti tahap persekutuan sehingga kepada penerimaan murid di bilik darjah (Brown, 2007). Dalam konteks kajian, jenis-jenis kurikulum yang dibincangkan adalah yang dikategorikan oleh Cuban (1992) iaitu kurikulum yang dihasratkan, diajar dan dipelajari dengan tahap penggubalan dan pelaksanaan yang berbeza (Jadual 2.1)

Jadual 2.1: Peringkat dan Jenis Kurikulum

Peringkat	Jenis Kurikulum
Persekutuan	Dihasarkan
Negeri	Dihasarkan
Daerah	Dihasarkan
Sekolah	Diajar
Bilik Darjah	Diajar
Murid	Dipelajari

Adaptasi dari: Cuban (1992).

Kurikulum yang dihasratkan merupakan kurikulum yang dicadangkan penggunaannya secara formal (Cuban, 1992). Penggubalan kurikulum yang dihasratkan dilakukan oleh penggubal polisi di peringkat pusat, dengan mengambil kira teori pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dan berkaitan dengan mata pelajaran serta sistem pendidikan persekolahan di sesebuah negara (Cho, 1998), falsafah, kandungan, kemahiran dan nilai yang seharusnya murid ketahui. Kurikulum ini juga dizahirkan atau didokumenkan dalam bentuk sukatan pelajaran untuk tujuan penggunaan guru di sekolah (Brown, 2007). Pelaksanaan polisi tersebut merupakan amalan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah, dengan guru sebagai agen pelaksana yang utama.

Kurikulum yang diajar pula merujuk kepada kurikulum yang beroperasi di bilik darjah dan ada kalanya menggabungkan kurikulum yang bersifat formal dan tidak formal (Cuban, 1992; Schmidt drk., 1997). Menurut Schmidt drk., (1997), kurikulum yang diajar merujuk kepada suasana pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang diberi oleh guru di bilik darjah. Pelaksanaan kurikulum formal berlaku apabila guru mengajar berpandukan dokumen yang terdapat dalam sukatan pelajaran pada masa-masa yang diperuntukkan dalam sistem persekolahan. Namun, menurut Cuban (1992), kurikulum yang diajar ada kalanya diubahsuai berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan yang ada pada seseorang guru. Selain itu, kurikulum yang diajar banyak bergantung kepada pengetahuan, kepakaran dan pengalaman mengajar guru dalam menyampaikan kandungan kurikulum (Cuban 1995). Dalam kurikulum yang diajar terdapat penerapan unsur-unsur kurikulum secara tidak formal yang membantu mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Goodlad & Fenstermacher, 1984).

Kurikulum yang dipelajari merujuk kepada kurikulum yang diterima oleh murid di dalam bilik darjah. Selain itu, kurikulum yang

dipelajari juga merujuk kepada perkara yang murid peroleh daripada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru (Cuban, 1992; Marsh, 2007; Porter, 2004; Schmidt drk., 1997). Penerimaan murid terhadap kurikulum dapat dinilai menerusi pengujian yang tertentu dalam memastikan murid benar-benar mempelajari pembelajaran yang bertepatan dengan kandungan sesebuah kurikulum (Cuban 1995). Matlamat pengajaran akan tercapai sekiranya murid-murid memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam hasil pembelajaran yang ditentukan oleh guru

Asas Terhadap Pelaksanaan Kurikulum di Malaysia

Perancangan dan penggubalan yang teliti merupakan asas yang perlu dititikberatkan sebelum pelaksanaan sesebuah kurikulum (Cuban, 1992; Fullan, 2001; Marsh, 2007). Secara tradisinya, perancangan kurikulum dibuat berdasarkan Model Perkembangan Kurikulum oleh Tyler (1949). Model ini mengemukakan persoalan dasar yang perlu dijawab dalam usaha menggubal kurikulum, iaitu:

- Tujuan pendidikan yang hendak dicapai
- Pengalaman pendidikan yang boleh disediakan untuk mencapai tujuan tersebut,
- Cara pengalaman pendidikan itu dikendalikan dengan berkesan, dan
- Penilaian.

Di Malaysia, kurikulum di sekolah adalah berdasarkan kepada falsafah dan matlamat pendidikan negara (Bakar & Ikhsan, 2003 & 2008; Kamaruddin, 1994). Kurikulum yang diwujudkan, digubal, diguna pakai dan dizahirkan menerusi sukatan pelajaran lazimnya berlandaskan kepada asas atau pegangan yang berteraskan unsur-unsur pragmatik, deskriptif atau stipulatif (Kementerian Pendidikan Malaysia 2003). Fenomena ini penting bagi menentukan hala tuju dan pembangunan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Sejak tahun 1957, aktiviti kurikulum dikelolakan oleh beberapa Bahagian Kementerian Pelajaran secara berasingan. Penyelarasan dan penyatuan aktiviti kurikulum bermula pada bulan Jun 1973 dengan tertubuhnya Unit Perkembangan pelajaran di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pelajaran, KPM. Pada tahun berikutnya, unit tersebut telah diasingkan dari induk untuk dijadikan satu bahagian yang baru dalam KPM dinamakan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Laporan

Jawatankuasa Kabinet 1979 menjelaskan PPK merupakan urus setia kepada Jawatankuasa Pusat Kurikulum. Antara peranan PPK adalah menyusun dan menggubal semula keseluruhan kurikulum sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah menengah atas di peringkat pusat. Namun, kesemua perkara berkaitan dasar mesti mendapat kelulusan dan pengesahan dari pihak atasan iaitu Jawatankuasa Kurikulum Pusat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Jawatankuasa ini juga terdiri daripada pengarah-pengarah Bahagian dalam Kementerian Pelajaran iaitu Bahagian Buku Teks, Bahagian Pendidikan Guru, Lembaga peperiksaan dan Bahagian Teknologi Pendidikan. Berikutan Penstrukturan semula Kementerian Pelajaran Malaysia, berkuat kuasa 16 Jun 2008, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) kini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).

Penggubalan Kurikulum di Malaysia adalah berdasarkan Model Perkembangan Kurikulum oleh Tyler (1949). Berdasarkan kepada Model tersebut, penggubalan kurikulum yang dilaksanakan oleh BPK Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil kira persoalan dasar sebagai langkah bagi menghasilkan kurikulum yang mencerminkan kehendak, keperluan dan keperibadian sesebuah masyarakat serta akan sentiasa berubah mengikut arus perubahan zaman (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Perancangan dan penggubalan kurikulum sesebuah mata pelajaran akan disusuli dengan pelaksanaannya di peringkat sekolah. Pelaksanaan yang cekap dan berkesan disandarkan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut (Berliner, 2001; Datnow, 2000). Dalam hal ini, pencapaian matlamat dan objektif kurikulum yang berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan sasaran yang mesti diberi keutamaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Kurikulum Pendidikan Prasekolah di Malaysia

Perkembangan dan pertumbuhan pesat berlaku dalam diri individu kanak-kanak pada usia enam tahun yang pertama. Melalui asuhan dan pendidikan yang sesuai, minda kanak-kanak ini dapat dirangsangkan, sikap dan emosi yang positif dapat dibina, serta kreativiti dan pemikiran kritikal dapat dijana. Berpandu kepada asas ini, kanak-kanak ini akan lebih bersedia untuk menghadapi alam persekolahan pada peringkat yang lebih tinggi. Hasil kajian jangka panjang mendapati pelaburan pada peringkat awal kanak-kanak memberi pulangan yang positif kepada kerajaan dan masyarakat. Pada masa yang sama, semakin banyak hasil

kajian neurosains menunjukkan kaitan antara pendedahan rangsangan pada peringkat awal dengan perkembangan minda kanak-kanak yang optimum. Menyedari hakikat ini maka pada tahun 1996, prasekolah telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dan pada tahun 2003 Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang pertama telah dilaksanakan. Selepas lima tahun pelaksanaan, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 telah disemak dan akhirnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dihasilkan dan dilaksanakan mulai 2010 di semua prasekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

Perkembangan pesat pendidikan prasekolah di Malaysia bermula pada tahun 1970-an yang pada ketika itu lebih dikenali dengan *kindergarten* (atau kini tadika) yang dilaksanakan secara lebih teratur dari tahun-tahun sebelumnya yang pada ketika itu hanya diceburi oleh agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS, NGO'S dan pihak swasta.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah awal dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak pada tahun 1970 dengan memulakan projek rintis sebanyak 13 buah kelas di bawah Yayasan Bernard Van Leer. Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah menggubal satu Kaedah-kaedah Guru/ Kaedah-kaedah (*Kindergarten* dan Sekolah Asuhan) Pendaftaran 1972 Warta Kerajaan P.U. (A) 414, untuk menyatakan prosedur yang mesti dipatuhi mengenai pendaftaran tadika, guru dan ahli-ahli lembaga pengelolanya. Sungguhpun begitu badan-badan yang mengendalikan prasekolah ini merasa perlu untuk mendapatkan panduan dan bimbingan daripada Kementerian Pelajaran.

Bagi maksud yang tersebut Kementerian Pelajaran telah menjalankan beberapa langkah di antaranya ialah dua projek pendidikan Prasekolah iaitu Projek Pendidikan Imbuan yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dengan bantuan daripada Yayasan Bernard Van Leer dan Projek yang kedua ialah Projek Kajian Pendidikan Prasekolah di Malaysia yang dikendalikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran dengan bantuan *UNICEF*. Salah satu hasil kerjasama kedua-dua buah projek ialah Garis Panduan Kurikulum Prasekolah Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia mula melaksanakan program pendidikan awal kanak-kanak yang dikenali sebagai pendidikan prasekolah "Annex" 1992. Berdasarkan mesyuarat Jemaah menteri 18 Disember 1991 bersetuju mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah.

Berdasarkan kepada Seksyen 15, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Pendidikan Prasekolah telah dimasukkan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Mulai tahun tersebut semua institusi pendidikan prasekolah perlu diurus mengikut Akta tersebut. Pada tahun 2002, Kementerian Pelajaran Malaysia telah diberi mandat untuk memperluaskan program pendidikan prasekolah melalui Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri 6 Jun 2001.

Bagi melaksanakan keputusan tersebut, kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah awal bermula pada tahun 2000 dalam menggubal kurikulum prasekolah yang dikenali sebagai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Satu program rintis telah dilaksanakan di 100 buah sekolah di seluruh negara pada tahun 2002 bagi memastikan keberkesanan kurikulum tersebut.

Pada tahun 2003, Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 15/2002, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan bahawa Kurikulum Prasekolah Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua tadika kerajaan, bantuan kerajaan, BBK (Balai Bukan Kerajaan) dan swasta mulai 1 Januari 2003. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang telah digubal mempunyai matlamat untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Selepas lima tahun pelaksanaan, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003 telah disemak dan akhirnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dihasilkan dan dilaksanakan mulai 2010 di semua sekolah prasekolah kerajaan dan bukan kerajaan. Ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa selaras dengan Program Transformasi Negara.

KSPK digubal berdasarkan reka bentuk kurikulum berasaskan standard, berbentuk modular, dan berkisar pada enam tunjang yang akan diteruskan pada sekolah rendah dan sekolah menengah. Penggubalan KSPK mengambil kira keperluan bagi memastikan kesinambungan antara KSPK dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berlaku.

Bersesuaian dengan keperluan semasa dan berpandu kepada teori pembelajaran yang menyatakan kanak-kanak mampu belajar lebih daripada satu bahasa, maka KSPK memperuntukkan masa yang lebih panjang untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris

berbanding dengan apa yang terdapat dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003.

Pada masa ini, pengelolaan prasekolah di Malaysia adalah di bawah anjuran agensi-agensi kerajaan dan separa kerajaan seperti *KEMAS*, *FELDA*, *RISDA*, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Badan-badan Agama, Cawangan Pendidikan Angkatan Bersenjata dan Polis, BBK dan swasta.

Kementerian Pelajaran telah menggubal satu Kaedah-kaedah Guru/Kaedah-kaedah (Kindergarten dan Sekolah Asuhan) (Pendaftaran) 1972 Warta Kerajaan P.U (A) 414, untuk menyatakan prosedur yang mesti dipatuhi mengenai pendaftaran tadika, guru dan ahli-ahli lembaga pengelolanya.

Menurut Akta Pendidikan 1996 pindaan Seksyen 22(1) Menteri hendaklah menetapkan suatu kurikulum yang dikenali sebagai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang hendaklah digunakan oleh semua tadika dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. (2) Kurikulum Prasekolah yang ditetapkan di bawah Subseksyen (1) hendaklah menyatakan pengetahuan kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperoleh oleh murid-murid pada akhir tempoh pendidikan prasekolah masing-masing.

Ahli-ahli pendidik dan kumpulan-kumpulan khidmat masyarakat telah menyedari bahawa pendidikan pada peringkat ini adalah penting untuk menyuburkan perkembangan kanak-kanak dari segi jasmani, intelek.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) adalah merupakan dokumen rujukan standard yang perlu dipatuhi oleh semua pengelola atau pengusaha tadika. Menetapkan parameter dan kandungan pengajaran dan pembelajaran minimum yang perlu dilaksanakan di tadika.

Kurikulum bermaksud “Pengalaman pembelajaran dan hasil pembelajaran yang dirancang dan dibimbing” atau “Suatu pengalaman pembelajaran yang terancang ke arah mencapai hasrat penghasilan yang dibentuk” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a,b).

Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) menggariskan bahawa prinsip-prinsip yang diambil kira dalam penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ialah:

- Berdasarkan reka bentuk kurikulum berasaskan standard, berbentuk modular, dan berkisar pada enam tunjang yang akan diteruskan pada sekolah rendah dan sekolah menengah.
- Mengambil kira keperluan bagi memastikan kesinambungan antara KSPK dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berlaku.
- Berdasarkan kepada prinsip Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Pendekatan pembelajaran berpusatkan murid, inkuiri penemuan, belajar melalui bermain, pendekatan bertema, pendekatan bersepadu adalah ditekankan. Kriteria pemilihan aktiviti memberi keutamaan kepada pengalaman yang menyuburkan (*enriching*), penglibatan aktif (*engaging*), selamat (*safe*) dan menyeronokkan (*fun*).

Bersesuaian dengan keperluan semasa dan berpandu kepada teori pembelajaran yang menyatakan kanak-kanak mampu belajar lebih daripada satu bahasa, maka KSPK memperuntukkan masa yang lebih panjang untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris berbanding dengan apa yang terdapat dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003. Dalam usaha menyediakan KSPK, pelbagai pihak telah dilibatkan seperti guru, pensyarah, pegawai dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Institusi Pengajian Tinggi, Kerajaan dan Swasta, Badan Bukan Kerajaan (BBK) dan tadika swasta.

Dua ciri utama Kurikulum Prasekolah Kebangsaan adalah kurikulum berasaskan standard dan kurikulum berbentuk modular. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dibangunkan berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Tujuan utama penetapan standard adalah untuk ekuiti dan kualiti. Ekuiti membawa maksud semua murid diberi peluang pendidikan yang sama, kualiti membawa maksud bahawa semua murid perlu diberi pendidikan yang berkualiti. Lantaran matlamat kurikulum berasaskan standard adalah untuk memberi pendidikan berkualiti yang sama kepada semua murid. Standard Kandungan merupakan pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan. Ia merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran merupakan satu penetapan kriteria atau indikator pencapaian dalam bentuk objektif tingkah laku untuk memastikan pencapaian setiap standard kandungan.

Kurikulum yang berbentuk modular merupakan satu kurikulum yang kandungannya diorganisasikan dan seterusnya disampaikan dalam bentuk bahagian atau unit, bahagian atau unit ini dinamakan modul. Dua jenis modul diwujudkan, iaitu Modul Asas dan Modul Bertema. Modul Asas terdiri daripada Komponen Bahasa (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil), Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Permainan Luar dan Matematik. Waktu yang khas diperuntukkan untuk pengajaran setiap komponen ini. Modul Bertema merupakan modul bersepadu yang merangkumi unsur-unsur dalam keenam-enam Tunjang dan juga unsur kreatif, kritis dan inovatif. Modul Bertema dibina menggunakan isu kehidupan seharian kanak-kanak.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dibina berlandaskan prinsip Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan dan teori pembelajaran konstruktivisme di mana murid membina pengetahuan sendiri, pengajaran tidak dijalankan secara spoon feeding, murid diberi peluang untuk berfikir dan menyelesaikan masalah. Perbezaan individu dibenarkan, murid belajar mengikut kadar sendiri, guru mengajar dengan mengaitkan pengalaman seharian murid.

KSPK memperuntukkan waktu minimum yang perlu dipatuhi iaitu prasekolah hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya empat jam sehari (termasuk masa rehat), iaitu, sejumlah 20 jam satu minggu untuk kanak-kanak yang berumur 5+ dan dijalankan sekurang-kurangnya tiga jam setengah sehari (termasuk masa rehat), iaitu, sejumlah 17 ½ jam satu minggu untuk kanak-kanak yang berumur 4+.

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Pemindahan perancangan pengajaran kepada amalan sebenar di bilik darjah merupakan pelaksanaan kepada kurikulum tersebut. Pengajaran di bilik darjah merupakan fenomena yang dinamik dan memerlukan interaksi bersemuka antara guru dengan murid (Allison & Barret, 2000; Gallahue & Donnelly, 2003). Fasa ini memerlukan guru melaksanakan perancangan yang dibuat dahulu dari objektif, pemilihan kaedah dan strategi pengajaran, inti pati pelajaran, aktiviti, peruntukan masa, organisasi bilik darjah, serta penilaian pengajaran. Ada kalanya pelaksanaan pengajaran memerlukan guru membuat adaptasi yang

tertentu berdasarkan keadaan atau situasi semasa yang dihadapi. Keadaan ini melibatkan pengetahuan, kemahiran serta kepakaran guru dalam membuat penyesuaian agar matlamat serta objektif asal perancangan dapat dipenuhi. Pelaksanaan memerlukan guru menerang, menjalankan tunjuk cara, menyoal serta memberi maklum balas agar pengajaran dan pembelajaran memberi makna kepada murid-murid di bilik darjah (Anderson, 1995a,b).

Guru yang berpengalaman ada kalanya tidak menunjukkan kemahiran yang bersesuaian dengan pengalaman mereka (Rink, 2002). Pengajaran yang berkesan memerlukan guru mempunyai kemahiran yang luar dan pengetahuan mengenai mata pelajaran tersebut (Siedentop & Eldar, 1994). Kajian oleh Dodds (1994) melaporkan bahawa walaupun kebolehan guru mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Prasekolah tetapi kebolehan guru sahaja tidak mencukupi untuk diklasifikasikan sebagai guru yang berpengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Sharpe & Hawkins (1992) terhadap guru novis tersebut dan guru yang berpengalaman menggunakan *Fields System Analysis dan Sequential Behavior Analysis* bagi membezakan kepakaran dan sikap guru, melaporkan pengurusan guru novis yang lebih baik berbanding dengan guru yang berpengalaman.

Pengetahuan merupakan asas yang diperlukan dalam pelaksanaan agar penyampaian pengajaran dan pembelajaran (Schempp, 1997). Di samping itu Shulman (1987) telah mengenal pasti tujuh jenis pengetahuan yang diperlukan oleh guru untuk tujuan pengajaran dan pengetahuan kandungan pedagogi, pengetahuan kurikulum, pengetahuan tentang konteks pendidikan, pengetahuan tentang murid dan ciri-ciri mereka, dan pengetahuan tentang matlamat pendidikan. Menurut beliau, pengetahuan umum pedagogi yang seharusnya ada pada guru merupakan kefahaman terhadap prinsip dan strategi yang direka bentuk untuk pengajaran di bilik darjah. Selain itu, pengetahuan kandungan yang merupakan pengetahuan dan kefahaman guru terhadap sesuatu mata pelajaran diperlukan untuk menyatakan dengan tepat fakta, konsep serta prinsip berkaitan sesuatu topik. Shulman juga menegaskan bahawa pengetahuan pedagogi kandungan diperlukan untuk menyampaikan kandungan pelajaran supaya murid mudah memahami konsep yang ingin disampaikan. Guru juga seharusnya dilengkapi dengan pengetahuan kurikulum bagi membolehkan mereka merangka serta menyediakan rancangan pengajaran tentang sesuatu topik. Menurut Ennis, (1994), guru perlu mengetahui serta mendalami kandungan sukatan pelajaran dan berupaya memilih tahap yang bersesuaian yang boleh dipelajari oleh

murid-murid di bilik darjah. Selain itu, pengetahuan tentang konteks pendidikan, pengetahuan tentang murid dan ciri-ciri mereka serta pengetahuan tentang matlamat pendidikan merupakan elemen penting dalam mengetahui pelajaran murid dan kaitannya dalam pengajaran di bilik darjah dalam usaha memenuhi matlamat dan tujuan yang dihasratkan dalam sistem pendidikan sesebuah negara.

Pemindahan pengetahuan guru melibatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kerana, kejayaan dalam pemindahan pengajaran sering dikaitkan dengan pembelajaran murid (Berliner, 2001; Brophy, 1979a,b). Bagi bidang Pendidikan Prasekolah, pelbagai model pelaksanaan telah muncul selaras dengan evolusi mata pelajaran itu dan perkara ini dibincangkan pada bahagian berikut.

Permasalahan

Malaysia sudah mencapai kejayaan cemerlang dalam sistem pendidikannya dalam tempoh 50 tahun lalu termasuk pencapaian kadar celik huruf dewasa sebanyak 92 peratus, kadar penyertaan peringkat rendah yang universal serta kadar pertumbuhan penyertaan peringkat menengah antara yang tertinggi berbanding negara membangun lain. Bagaimanapun, kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian ini kerana keberhasilan pendidikan Malaysia kini sudah ketinggalan berbanding beberapa negara seperti Singapura, Hong Kong dan Korea.

Menurut laporan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), kajian Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (*UNESCO*) menunjukkan pembelajaran peringkat awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam perkembangan pemikiran mereka, manakala kajian di Amerika Syarikat mendapati mereka yang menghadiri prasekolah mempunyai pendapatan lebih tinggi apabila dewasa. Kajian Kementerian Pelajaran mendapati antara faktor yang menyumbang kepada keciciran pelajar ialah kegagalan menguasai sukatan pelajaran. Pada 2008, hampir 32,000 pelajar pelbagai peringkat tercicir persekolahan dan dijangka jika kita dapat memberi kemahiran membaca, menulis dan mengira pada usia muda, jumlah keciciran pelajar boleh dikurangkan.

Pendidikan yang bermula pada usia awal amat penting kerana amat sukar untuk membasmi buta huruf apabila mereka makin membesar. Berikutan itu, memperbaiki keberhasilan pendidikan amat penting untuk membina tenaga kerja berdaya saing. Antara tumpuan

peringkat awal ialah pembaharuan Sistem Pendidikan Kebangsaan ialah meningkatkan kadar pendaftaran prasekolah untuk kanak-kanak berusia empat dan lima tahun serta mempertingkatkan kualiti sistem. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Prasekolah yang berkualiti memberi kesan kepada pertumbuhan dan perkembangan murid-murid. Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum bergantung kepada kefahaman dan penghayatan dan pelaksanaan oleh guru di bilik darjah. Walau bagaimanapun, pelaksana boleh menyesuaikan kandungan kurikulum dengan keadaan dan situasi. Pelaksana juga perlu mempunyai pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak, prihatin kepada perbezaan kanak-kanak dari segi keupayaan, minat dan latar belakang serta peka terhadap perubahan dan perkembangan pendidikan terkini. Justeru, guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan murid (ABP). Apa yang menjadi kerisauan apakah senario sebenar ini berlaku di sekolah?

Aspek yang seharusnya dipatuhi oleh guru berdasarkan kurikulum yang digubal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran semakin dipinggirkan di kebanyakan sekolah di dunia. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang yang ketara antara perkara yang diajar dengan perkara yang seharusnya murid pelajari (Mcintosh & Bailey, 2004; Hardman, 2006)

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan struktur kepada sesuatu kajian dan melibatkan perancangan dalam memilih sumber dan jenis data yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan (Maxwell & Satake, 2005). Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan dan soalan kajian. Oleh sebab tujuan kajian adalah untuk memerihalkan dan memahami proses pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), maka reka bentuk penyelidikan kualitatif adalah yang paling bersesuaian. Hal ini kerana penyelidikan kualitatif mementingkan proses dan membantu dalam memahami sesuatu fenomena dalam persekitaran semula jadi (Bogden & Biklen, 2007; Maxwell & Satake, 2005; Merriam, 2002). Selain daripada itu, reka bentuk ini sesuai kerana kajian ini meneroka secara mendalam

pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah yang dilaporkan tidak dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Di samping itu, kajian ini juga mendeskripsi secara terperinci peranan yang dimainkan oleh guru selaku agen pelaksana kurikulum itu di sekolah. Jenis penyelidikan kualitatif yang digunakan adalah jenis asas atau generik (Merriam, 2002), iaitu jenis yang menggambarkan ciri-ciri asas penyelidikan kualitatif. Mengikut Merriam, jenis inilah yang paling banyak digunakan dalam penyelidikan pendidikan.

Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk memerihalkan dan memahami peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah, kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum itu di kelas prasekolah secara holistik dengan tumpuan terhadap pemahaman tentang konteks tersebut mempengaruhi guru.

Sebagai instrumen yang utama, pengkaji menghabiskan masa di lokasi dalam jangka masa yang lama iaitu selama enam bulan. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan juga mempunyai ciri-ciri interpretif dengan memberi penekanan kepada memahami fenomena yang dikaji dari perspektif peserta kajian itu sendiri. Interpretasi atau rumusan tentang data yang memberi makna kepada konteks kajian. Bersesuaian dengan ciri genetik, data yang dikumpulkan adalah menerusi kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, rakaman audio-visual dan analisis dokumen yang berkaitan, di samping dianalisis dengan bermaksud kerangka konseptual (Merriam, 2002).

Kerangka Konseptual atau kerangka teori yang mendasari kajian ini datangnya daripada perspektif pelaksanaan kurikulum. Seperti yang dirumuskan oleh Marsh (2007), pelaksanaan sesebuah kurikulum dapat dikaji dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu fideliti perspektif pelaksanaan atau "*fidelity of implementation perspective*", perspektif adaptasi atau *adaptation perspective* dan perspektif enakmen. Oleh kerana aktiviti yang terkandung dalam Pendidikan Prasekolah bersifat Unit, kompleks dan dinamik, perspektif adaptasi adalah lebih sesuai digunakan untuk melihat proses pelaksanaan kurikulum ini di sekolah (Cho 1998). Bagi kajian ini, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah dilihat menerusi perspektif adaptasi yang melibatkan tiga elemen, iaitu jenis kurikulum (Cuban 1992; Schmidt drk., 1997; Ruiz-Primo, 2002), dimensi (Madaus & Kellaghan, 1992; Scott, 2000), dan adaptasi dalam pelaksanaan kurikulum (Marsh, 2007).

Menurut Cuban (1992), jenis kurikulum boleh dikategorikan sebagai kurikulum yang dihasratkan, kurikulum yang diajar dan kurikulum yang dipelajari oleh maujud (Cuban 1992). Kurikulum yang dihasratkan merupakan kurikulum yang seharusnya murid-murid terima, digubal berdasarkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan isi kandungan, pedagogi atau kaedah pengajaran serta bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap umur serta kebolehan murid-murid (Cuban, 1992; Marsh, 2007; Schmidt drk., 1997).

Di Malaysia, kurikulum yang dihasratkan untuk Pendidikan Prasekolah yang terkini ialah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan mulai tahun 2010. Kurikulum yang diajar merupakan pengajaran dan pembelajaran yang diajar secara formal atau tidak formal di bilik darjah dan di sekolah. Dalam konteks kajian, kurikulum yang diajar merupakan pengajaran dan pembelajaran prasekolah yang sebenar berlaku di bilik darjah. Manakala kurikulum yang dipelajari oleh murid merujuk kepada perkara yang murid peroleh daripada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Cuban, 1992; Marsh, 2007; Porter, 2004; Schmidt drk., 1997).

Dimensi kurikulum pula terdiri daripada pegangan teori, kandungan atau bahan kurikulum, pemindahan pengajaran atau transaksi suruhan, dan hasil pembelajaran (Madaus & Kellaghan, 1992; Scott, 2000). Walau bagaimanapun, fokus kajian ini hanyalah terhadap pemindahan pengajaran oleh guru selaku agen pelaksana kurikulum di sekolah. Dalam pemindahan pengajaran, guru berhadapan dengan tiga fasa yang terdiri daripada rangkaian perancangan, pelaksanaan atau penyampaian, dan penilaian (Pangrazi, 2006:). Fasa perancangan merupakan keputusan bertulis mengandungi perkara yang perlu dirancang sebelum pemindahan pengajaran dilakukan. Menurut Mosston & Ashworth (2002), dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, perkara yang perlu difikirkan meliputi objektif pengajaran, pemilihan strategi dan kaedah, isi kandungan, aktiviti, peruntukan masa, dan pengurusan bilik darjah itu sendiri. Fasa pelaksanaan dan merupakan pemindahan pengajaran dan pembelajaran hasil daripada perancangan yang dilakukan. Manakala fasa penilaian pula merupakan perkara yang dilakukan oleh guru terhadap murid dalam menilai atau mentafsir perkembangan dan kemajuan mereka di samping menilai pemindahan pengajaran dan pembelajaran guru (Pangrazi, 2006). Aspek adaptasi merupakan pengubahsuaian yang dilakukan oleh guru dalam memenuhi matlamat sesebuah kurikulum. Aspek adaptasi dalam pelaksanaan


kurikulum boleh dilihat sama ada menerusi kaedah penyelidikan kuantitatif atau kualitatif. Kaedah kualitatif melibatkan pemerhatian di bilik darjah serta temu bual dalam kalangan guru, pentadbir, murid dan warga sekolah serta analisis dokumen yang berkaitan. Kaedah ini telah digunakan dalam kajian ini memandangkan kaedah ini mampu memerihalkan dan memahami secara mendalam akan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah di kelas prasekolah.

Pelaksanaan sesebuah program tidak dapat lari daripada melalui adaptasi berdasarkan proses negosiasi ketabiiian (*process of naturalistic negotiation*) dengan menghormati matlamat utama yang dikehendaki oleh penggubal bagi mendapatkan kejayaan dalam pelaksanaannya (Berman & Mc Laughlin, 1976a,b). Fullan (2001) telah menyenaraikan tiga faktor utama yang mempengaruhi kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah iaitu faktor yang memerlukan inovasi dalam perubahan seperti keperluan, kejelasan matlamat, kekompleksan atau kesukaran dan mutu dan keterampilan (*quality and practicality*) sesebuah program; faktor yang dimainkan oleh individu tempatan peran tempatan yang melibatkan daerah, komuniti setempat, pentadbir dan guru; dan faktor-faktor luaran yang melibatkan pelaksanaan dasar dan polisi.

Perspektif adaptasi bertujuan untuk mengetahui adaptasi yang dilakukan oleh guru dalam pelaksanaan kurikulum yang dilakukan dalam realiti sebenar (Marsh, 2007). Dan inilah salah satu daripada tujuan kajian, iaitu untuk mengetahui pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, di kelas prasekolah dengan memberi fokus kepada proses sebenar yang berlaku dalam amalan pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulan

Makalah ini ialah sebuah saranan penyelidikan peringkat Doktor Falsafah. Adalah diharapkan hasrat kajian ini dapat membantu memberi kefahaman tentang peranan yang dimainkan guru sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah seperti yang dihasratkan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kajian sebegini juga penting ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mengetahui kejayaan dan kekangan pelaksanaannya. Hal ini kerana pelaksanaannya secara berkualiti mampu membangunkan potensi murid dari aspek perkembangan secara holistik dan menyeluruh sebagai mana dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



Rajah 1. Kerangka Konsep Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Prasekolah dari Perspektif Adaptasi

Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang menyeluruh tentang pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan peranan yang dimainkan oleh guru terhadap pelaksanaan tersebut. Menurut Cummiskey (2007), pengetahuan tentang pelaksanaan kurikulum akan menjelaskan peranan yang dimainkan oleh guru dari aspek perancangan, pelaksanaan, dan penilaian. Hasil daripada kajian pelaksanaan kurikulum yang sedemikian memberi gambaran yang jelas tentang perkara-perkara yang perlu dititikberatkan ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa (Johnson, 2007) khususnya kepada organisasi yang terlibat dalam mata pelajaran ini dan juga perancangan kurikulum di peringkat pusat. Selain itu, kajian ini dapat memberi manfaat kepada Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) agar memperkemaskan serta melengkapkan guru-guru pelatih opsyen pendidikan prasekolah di Institut-institut

Pendidikan Guru (IPG) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia. Hal ini penting bagi memastikan guru pelatih dilengkapi dengan ilmu yang mencukupi tentang pengetahuan kandungan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran supaya mereka yakin dan bersedia untuk menjalankan tugas.

Rujukan

- Anderson, J.A. 1995a. *Fifty Strategies for Quality Teaching: A Handbook for the Application of Control Theory in Classroom Settings* . Jackpine Pub
- Anderson, J.A. 1995b. *Merging effective models of diversity with teaching and learning and the curriculum* . North Carolina State University
- Allison P.C. & Barrett K.R. 2000. *Constructing Children's Physical Education Experiences: Understanding the Content for Teaching* . Pearson Education
- Apple M.W. 1993. The Politics of Official Knowledge: Does a National Curriculum Make Sense? *Teachers College Record* Volume 95 Number 2, 1993, p. 222-241
- Akker, J.J.H. van den. 2003. Curriculum perspectives: an introduction. Dalam J. van den Akker, W. Kuiper & U. Hameyer (Eds.), *Curriculum landscape and trends* (hlm. 1-10). Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.
- Akta Pendidikan 2006. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & peraturan-peraturan terpilih hingga 20 hb. Julai 2006. Kuala Lumpur. ILBS.
- Bakar, A.b.N. & Ikhsan O. 2003. *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Tanjung Malim, Perak: Quatum Books.
- _____.2008. *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Tanjung Malim, Perak: Quatum Books.
- Berliner, D. C. 2001. Learning about and learning from expert teachers. *International Journal of Education Research*, 35, 463-482.
- Berman, P. & McLaughlin, M.W. 1976a. Implementation of educational innovation. *Educational Forum*, 40, 347-370.

- Berman, P. & McLaughlin M.W. 1976b. *Federal programs supporting educational change. Vol VII & VIII: factors affecting implementation, and continuation.* Santa Monica, CA: Rand.
- Bogdan , R.C. & Biklen S.K. 2007. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods* . Laureate Education Inc
- Brophy, J. 1979a. Teacher behaviour and its effects. *Jour. of Educational Psychology* 71: 733-750
- Brophy, J. 1979b. How teacher influence what is taught and lerned I classroom. *The Elementary School Journal* 83(1):1-13
- Brown, R.A. 2007. *Curriculum consonance in technology education classrooms: The official, intended, implemented, and experienced curricula.* Unpublished doctoral dissertation, Indiana University. (UMI No. 3278212).
- Cho, J. 1998. Rethinking curriculum implementation: Paradigms, models, and teachers' work. *The Annual Meeting (April 1998) at the American Educational Research Assosiation.* San Diego, CA. (Document Reproduction Service No. ED3421767)
- Cuban, L. 1992. Curriculum stability and change. Dalam P. Jackson (Ed.), *Handbook of research on curriculum* (hlm. 216-242). New York: Macmillan Publishing Company.
- _____.1995. The hidden variable: How organizations influence teacher responses to secondary science curriculum reform. *Theory Into Practice*, 34(1): 4-11.
- Cummiskey, M.D .2007. *Implementation of the Pennsylvania State Standards for Physical Education: Teacher and Student Perspectives.* Temple University
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Konvesyen Mengenai Hak Kanak-kanak*
- Dane, A. V. & Schneider, B. H. 1998. Program integrity in primary and early secondary prevention: are implementation effects out of control? *Clinical Psychology Review* 18: 23–4.
- Datnow, A. 2000. Power and politics in the adoption of school reform models. *Educational Evaluation and Policy Analysis* 22: 357-374.
- Dodds, N. 1994. *Knowing Your School (Essential Guides for Governors & Teachers).* New edition Governor Teacher Presentations

- Dusenbury, L., Brannigan, R., Falco, M. & Hansen, W. 2003. A review of research on fidelity of implementation: implications for drug abuse prevention in school settings. *Health Education Research* 18: 237–256
- Eisner, E.W. 1994. *Cognition and Curriculum Reconsidered*. 2nd ed. Teachers College Press
- Ennis, C.D.1994.Urban secondary teachers' value orientation: social goals for teaching. *Teaching and Teacher Education* 10: 109-120
- Fullan, M. 2001.*The New Meaning of Educational Change*, 3rd ed. New York, NY: Teachers College Press
- Gallahue, D.L. & Donnelly F.C. 2003. *Developmental Physical Education for Today's Children*. Human Kinetics Publishers
- Goodlad, J.I. & Fenstermacher G.D. (Eds.). 1984. *Individual Differences and the Common Curriculum*. The National Society for the Study of Ed
- Hardman, K. 2006. Current situation and prospect for physical education in the European union. *Study requested by the European Parliament*. University of Worcester.
- Johnson, A.P. 2007. *The Inner Curriculum* . Royal Fireworks Publishing
- Kamaruddin b. Hj. Husin, 1994. *Pedagogi Bahasa (Edisi ke-7)*. Selangor Darul Ehsan: Longman Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. *Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a. *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Percetakan Dawama Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003b. *Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007. *Huraian kurikulum Prasekolah kebangsaan*, Kuala Lumpur. KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008. *Panduan Pengurusan Pendidikan Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia*. Putrajaya : Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010. *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya : Percetakan Nasional Malaysia Bhd.*
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010. *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010. Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010.*
- KPM, 1986. *Huraian garis panduan Kurikulum.* Kerajaan Malaysia RMK Kelima (1986-1990)
- KPM, 1987. *Laporan pengesanan KBSR,* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Madaus, G.F. & Kellaghan T. 1992. The British experience with 'authentic' testing. *Phi Delta Kappan*
- Marsh, C.J. 2007. *Curriculum: Alternative Approaches, Ongoing Issues,* 4th Ed. Prentice Hall
- Maxwell , D.L. & Satake E. 2005. *Research and Statistical Methods in Communication Sciences and Disorders .* Cengage Learning
- McIntosh, S. & Bailey N. 2004. *Higher Education, Professionalism and Skills in the Built Environment: The Impact of the New Urban Agenda on Teaching and Learning .* Centre for Education in the Built Environment
- Mindes, G., Ireton, H. & Mardell-Czudnowski, C. 1996. *United States of America:* Delmar Publishers.
- Menis, J. 1991. Science in Israeli Ninth Grade Classes: The Intended, Implemented and the Achieved Curricula. *Research in Science & Technological Education* 9(2):157-171. <http://dx.doi.org/10.1080/0263514910090204>
- Merriam, S.B. 2002. *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis.* Jossey Bass
- Mosston, M. & Ashworth S. 2002. *Teaching Physical Education.* 5th ed. San Francisco: Benjamin
- Ornstein, A.C. & Hunkins F.P. 2004. *Curriculum: Foundations, Principles, and Issues.* Allyn & Bacon
- Pangrazi, R.P. 2006. *Dynamic Physical Education Curriculum Guide: Lesson Plans for Implementation .* 15th ed. Benjamin Cummings

- Porter, A.C. 2004. *Curriculum assessment (Additional SCALE Research Publications and Products: Goals 1, 2, and 4)*. Nashville, TN: Vanderbilt University.
- Rogers, D.L. & Ross D.D. 1986. Encouraging Positive Social Interaction among Young Children. *Young Children* 41 (1986): 12-17.
- Ruiz-Primo, M. A. 2002. On a seamless assessment system. Makalah yang dibentangkan di *Annual Meeting of the American Association of the Advancement of Science*, Boston, MA.
- Schempp P.G. 1997. Developing expertise in teaching and coaching. *Jour. of Phys. Edu., Recreational and Dance* 68(2): 29
- Schmidt, W.H., Raizen S., Britton E.D., Bianchi L.J. & Wolfe R. (Eds.). 1997. *Many Visions, Many Aims: Volume 2: A Cross-National Investigation of Curricular Intentions in School Science*. Springer
- Schugurensky D. 2002. The curricula of multicultural citizenship education. *Multicultural Education* 10(1)
- Scott, D. 2000. *Curriculum and Assessment*. Praeger
- Segaran, a/l A. 1996. *Identifikasi kanak-kanak rendah kesediaan pembelajaran di peringkat prasekolah. Tesis Sarjana UM, KL (Tidak diterbitkan)*
- Sharpe, T. L., & Hawkins A. 1992. The implications of field systems for teacher education. *Journal of Teaching in Physical Education* 12: 76-84.
- Siedentop, D. & Eldar E. 1994. Expertise, experience, and effectiveness. *Journal of Teaching in Physical Education* 8: 254-260
- Snyder, J., Bolin F., & Zumwalt K. 1992. Curriculum innovation. In Jackson, P.W (Ed.), *Handbook of research on curriculum*. New York: Macmillan, pp. 402-435
- Thomas, R.M. 2002. *Overcoming Inertia in School Reform: How to Successfully Implement Change*. Corwin
- Thornton, S. J. 1985. *Curriculum consonance in United States history classrooms*. Stanford University, Stanford, CA.
- Tyler, R.W. 1949. *Basic Principles of Curriculum and Instruction*. The University of Chicago Press

Wiseman, A.W. & Brown D.S. 2003. Teacher curricular control and student performance: A cross-national study of curricular accountability. *Curriculum & Teaching Dialogue* 5(2):131-146